

# Rumah Siswa jaga kebajikan pelajar

**Komitmen** Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dengan kerjasama universiti awam (UA) dalam menjaga keselamatan dan kebajikan pelajar luar kampus terserlah selepas inisiatif Rumah Siswa dilancarkan.

Golongan siswa yang terpaksa menyewa di luar kampus pasti menarik nafas lega kerana ia membantu mengurangkan kerisauan dan kebimbangan mereka untuk mendapatkan kemudahan penginapan.

Inisiatif Rumah Siswa meliputi tiga komponen utama - Pembangunan Unit Pengurusan Pelajar Luar Kampus, Pembangunan Garis Panduan Pengurusan Pelajar Luar Kampus dan Portal Rumah Siswa.

Dengan adanya Portal Rumah Siswa kita percaya mahasiswa akan lebih mudah mendapatkan rumah sewa dengan kadar harga berpatutan di sekitar kampus, di samping mendapatkan khidmat nasihat yang diperlukan.

Portal itu akan menjadi pangkalan data khusus di peringkat universiti berkaitan lokasi penginapan, kemudahan diperolehi, jarak terhadap akses kemudahan universiti dan paling penting as-

pek keselamatan pelajar luar kampus.

Dalam pada itu, Pembangunan Unit Pengurusan Pelajar Luar Kampus dan Pembangunan Garis Panduan Pengurusan Pelajar Luar Kampus dilihat antara inisiatif signifikan dalam konteks memperkasa kebajikan dan keselamatan pelajar luar kampus.

Ini kerana golongan yang terpisah dengan kehidupan kampus dan terpaksa menyewa di luar sering dilihat ketinggalan dalam banyak aspek, terutamanya dilihat keseorangan dalam menjaga keselamatan dan kebajikan di luar.

Keadaan ini sering menimbulkan kerisauan dalam kalangan ibu bapa yang memikirkan keselamatan anak mereka.

Justeru, dengan adanya Unit Pengurusan Pelajar Luar Kampus (UPLK), kita percaya kelompok ini dapat dipantau dan dibantu dengan lebih rapi dan ber-sistematik.

Maka besarlah harapan UPLK akan mengambil alih tugas dan tanggungjawab berat ini dalam memastikan mahasiswa yang menetap luar kampus juga dapat dipantau dan dibantu mengikut keperluan mereka.

Perkara penting perlu diberi perhatian ialah soal makan minum serta keselamatan mereka.

Hal ini penting kerana kita tidak mahu mereka ikat perut kerana membayar sewa rumah yang mahal, di samping tiada siapa menjaga keselamatan dalam menjalani kehidupan di luar kampus.

Jadi, UPLK perlu mengatur pelbagai aktiviti untuk mendekati golongan ini dengan lebih kerap termasuk lawatan ke rumah sewa secara berkala.

Pelajar yang mempunyai masalah baik dari segi kewangan, emosi mahupun kehidupan sosial perlu dikenal pasti dan dibantu supaya dapat diselamatkan dengan segera.

Tuntasnya, semoga inisiatif baharu ini dapat terus melindungi dan menjaga kebajikan dan keselamatan semua pelajar luar kampus di seluruh negara.

Syabas dan tahniah kepada KPT dan semua universiti awam yang terbabit.

*Noor Mohamad Shakil Hameed,  
Pentadbir Universiti*

Pembaca yang ingin berkongsi pandangan dan membuat aduan boleh e-mel ke bhf@

BH

10/3/2021

ms 13